



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**TUDUHAN KONSPIRASI ANTARA PEMIMPIN POLITIK DAN KETUA HAKIM
NEGARA UNTUK MEMPERCEPATKAN KES DAN JATUH HUKUM**

Pejabat ini merujuk kepada *posting* di laman facebook Shahir Samad-Tok Uban bertarikh 20 April 2022 yang antaranya menuduh YAA Ketua Hakim Negara bersetuju membantu mempercepatkan kes dan jatuh hukum Dato' Seri Najib bin Tun Razak dan Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi.

Sehubungan itu, satu laporan polis telah dibuat oleh Pejabat ini menafikan tuduhan-tuduhan wujudnya konspirasi, pakatan sulit atau pakatan haram antara pemimpin politik dan YAA Ketua Hakim Negara. YAA Ketua Hakim Negara tidak pernah berkomunikasi dengan dan/atau dihubungi oleh mana-mana pemimpin politik berhubung dengan kes-kes Mahkamah yang melibatkan Dato' Seri Najib bin Tun Razak dan Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi. Kes-kes yang belum selesai di Mahkamah hendaklah berjalan dan diteruskan mengikut undang-undang tanpa sebarang campur tangan oleh YAA Ketua Hakim Negara atau orang lain.

Pejabat ini menegaskan bahawa pihak yang bertanggungjawab membuat dan menyebarkan tuduhan-tuduhan tersebut adalah bertujuan untuk memburukkan imej dan menyebabkan orang awam hilang kepercayaan terhadap Badan kehakiman. Selain itu, tuduhan-tuduhan ini bertujuan untuk *subvert* pentadbiran keadilan dari segi perbicaraan kes yang belum selesai terhadap Dato' Seri Najib bin Tun Razak dan Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 21 April 2022